



KOMPLEKS-KOMPLEKS SUKAN
UNIVERSITI MALAYA

LAMPIRAN I



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .



KOMPLEKS PUSAT
(CENTRAL COMPLEX)



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .

LAMPIRAN III

KOMPLEKS KOLAM RENANG DAN KOMPLEKS DAMANSARA
(SWIMMING POOL COMPLEX AND DAMANSARA COMPLEX)



LAMPIRAN IV

KELAB OLAHRAGA ASRAMA BESTARI (KOAB)

1.0 Pengenalan

Kelab Olahraga Asrama Bestari akan secara ringkasnya KOAB adalah sebuah kelab sambilan di bawah naungan Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Jasmani Asrama Bestari yang ditubuhkan pada tahun 1989 untuk menyediakan pasukan olahraga Bestari di kejuruan-kejuruan olahraga Universiti Malaya.

Sada tahun ini KOAB telah mendorong langkah ke hadapan untuk memulakan lagi aktiviti olahraga di kalangan penghuni Asrama Bestari. Justeru itu, KOAB kini mempunyai dua fungsi iaitu menyediakan pasukan olahraga Bestari (kumpulan elit) untuk pertandingan dan mengadakan aktiviti rekreasi (kumpulan rekreasi).

1.1 Matlamat KOAB pada sesi ini

- 1.1.0. Menggalakan kejuruan Olahraga Universiti Malaya
- 1.1.1. Menyediakan 12 orang atlet untuk pasukan olahraga varsiti.
- 1.1.2. Menyediakan pasukan pelapis olahraga Bestari
- 1.1.3. Menggalakkan aktiviti rekreasi dan riadah di kalangan penghuni Bestari.

1.2 Keahlian

Dua jenis keahlian bersama syarat-syaratnya:

- 1.2.0 Ahli elit - Penghuni Asrama Bestari
 - Pernah menyertai acara olahraga
 - Berdisiplin dan bersemangat tinggi
 - Mempunyai minat yang mendalam untuk mewakili pasukan olahraga.
- 1.2.1 Ahli rekreasi - Penghuni Asrama Bestari
 - Mempunyai keihatan yang baik
 - Berdisiplin dan bersemangat tinggi
 - Mempunyai minat yang mendalam untuk menyertai aktiviti KOAB.

1.3 Kegiatan Sepanjang Tahun

1.3.0 Kejohanan-kejohanan yang akan disertai

- a) Antara Asrama
 - Kejuaraan Glabraga Tahunan Universiti Malaya
 - Taris Bahruaya
 - Zaba-Quater Marathon
 - Moon Light Jogathon
 - Jogathon Asasi
- b) Antara Universiti
 - Trek dan Padang Musim
 - Sukan Tahunan Rusoff-Mastora (Singapore)
 - Sukan Tahunan Tebest (Negari Thai)
 - Sukan Tiga Tahunan (TIG)

1.3.1 Kegiatan-kegiatan rekreasi

- Berjoging
- Tracking
- Berkelah
- Berkayak
- Berkhemah
- Berenang
- Memancing
- Sambutan Hari Jadi

1.4 Ahli Jawatankuasa KOAB

1.4.0 Jawatankuasa Tertinggi

- Jembaga Penasihat:
- Pengerusi Jawatankuasa Sukan dan Jasmani
 - Bekas Kapten KOAB
 - Kapten Lelaki dan Kapten Wanita
 - Setiausaha
 - Bendahara

1.4.1 Jawatankuasa Kecil

- Perubatan
- Pemakanan
- Buletin
- Pertandingan
- Cenderamata
- Peralatan
- Fotografi
- Publisiti
- Rekreasi
- Latihan
- Sambutan Hari Jadi
- Perhubungan Luar
- Kelab Sorak

1.5 Cadangan Cenderamata

- T-Shirt (lengan pendek dan lengan panjang)
- Track Bottom
- Topi
- Lencana pengenalan

KOAB akan cuba mengusahakan segala cenderamata ini dengan bantuan ahli-ahli kelab melalui penajaan badan badan swasta.

1.6 Rumusan

KOAB adalah kelab olahraga yang pertama ditubuhkan di Universiti Malaya dan isnya telah menjadi riham kepada pihak Pusat Sukan untuk menubuhkan Kelab Olahraga Universiti Malaya. Oleh itu segala kegiatan KOAB adalah untuk meningkatkan prestasi sukan olahraga Bestari dan memberi nama baik kepada Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Jasmani Asrama Bestari. KOAB berharap segala aktiviti olahraga dan rekreasinya mendapat sokongan moral dan kerjasama daripada pihak Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Jasmani Asrama Bestari.



LAMPIRAN V

PUSAT SUKAN

UNIVERSITI MALAYA
59100 KUALA LUMPUR

Tel: 7560022 samb. 210.

220. 225

TELEX: UNIMAL MA 37453
TEL: 7560200 (TERUS)

Sports Centre, University of Malaya, 59100 Kuala Lumpur, Malaysia.

Surat Kami: IS/Akuan(47)/91

Surat Tuan:

Tarikh: 27hb November 1991

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Sukacita saya maklumkan bahawa pembawa surat ini Saudara **Ravinther a/l Kunju Raman** Kad Pengenalan bernombor A 1382395 adalah pelajar dari Fakulti Ekonomi & Pentadbiran, Universiti Malaya dari tahun 1989 hingga 1992.

Semasa menuntut di Universiti ini beliau telah bergiat cergas dalam lapangan sukan di peringkat Universiti khususnya dalam sukan Olahraga.

Beliau telah mewakili Universiti dalam sukan MASUM dalam acara trek dan padang 800 meter dengan memperolehi pingat gangsa di Universiti Utara Malaysia pada tahun 1989. Dalam tahun yang sama beliau telah mewakili Universiti dalam acara trek 4 x 400 meter dan perolehi pingat emas dalam sukan MASUM yang diadakan di Jakarta, Indonesia. Beliau juga telah mewakili Universiti dalam sukan MASUM dalam acara trek dan padang di Kuala Lumpur pada tahun 1990. Bagi sukan Jemputan ITM di Shah Alam pada tahun 1991 beliau telah memperolehi pingat gangsa dalam acara trek dan padang 4 x 400 meter. Pada tahun 1991, beliau telah mewakili Universiti dalam acara trek dan padang sukan MASUM yang diadakan di TIM, Shah Alam dalam tahun 1991. Beliau telah memperolehi pingat perak dalam Sukan T.I.G. yang ke 20 yang berlangsung di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dalam acara trek 4 x 400 meter.

Bagi sesi 1991/92, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Kejohanan Olahraga Tahunan Universiti Malaya Ke 27. Beliau dilantik sebagai Ketua Kontinjen Universiti Malaya dan Pembaca Ikrar bagi Sukan T.I.G. Ke 20 yang diadakan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Kelab Olahraga Universiti Malaya dan Kapten Pasukan Olahraga Universiti Malaya bagi sesi 1991/92. Beliau adalah Pembantu Pelajar Pusat Sukan ketika Minggu Haluansiswa 1991/92. Beliau dianugerahkan peserta lelaki terbaik Kejohanan Olahraga Universiti Malaya ke 27.

Dengan ini saya berharap semua pihak yang berkenaan dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya ke atas permohonan beliau.

Yang benar,

Prof. Madya Dato' Mohd Yunus Mohd Noor
Pengarah Pusat Sukan
Universiti Malaya

Pengenalan

Saudara/saudari,

Kajian berikut adalah untuk membantu Latihan Ilmiah saya yang bertajuk Pentadbiran dan Pembangunan Sukan di Universiti Malaya bagi memenuhi sebahagian daripada syarat Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan kepujian. Nama saudara/saudari telah dipilih untuk menyertai kajian ini. Maklumat yang saudara/saudari berikan ini akan dirahsiakan dan tidak sekali-kali dihebahkan kepada sesiapa. Kerjasama saudara-saudari didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Ravinther Kunju Raman
Pentadbiran Awam 3
Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran
Universiti Malaya.

Untuk diisi oleh responden iaitu pelajar-pelajar baru.

Nama :
Asrama :
Fakulti :
Tahun Pengajian : (Tanda x jika bekas
Etnik : pelajar Asasi.....)

A. Latar Belakang Kegiatan Sukan Anda.

1. Adakah anda berminat dalam kegiatan sukan ? Ya/Tidak
2. Adakah anda pernah melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan sukan di sekolah anda ? Ya/Tidak
(Jika ya jawab soalan 3 jika tidak teruskan ke soalan 4)
3. Tandakan pencapaian dalam sukan di sekolah

a. Taraf pencapaian dalam sukan di sekolah

Wakil Rumah _____
Wakil Sekolah _____
Wakil Daerah _____
Wakil Negeri _____
Wakil Negara _____
Wakil ASEAN _____

- b. Permainan yang anda telah melibatkan diri di sekolah
(nyatakan permainan dan taraf pencapaian)
.....
.....
.....

4. Adakah anda ingin menyertai atau melanjutkan kegiatan sukan anda di Universiti ini? Ya/Tidak

5. Jika ya, nyatakan peringkat yang ingin diwakili

- Wakil Asrama _____
- Wakil Universiti _____
- Wakil MASUM _____
- Wakil Varsiti ASEAN _____
- Hanya Untuk Rekreasi _____

bagi permainan.....

6. Jika tidak, nyatakan dua alasan mengapa anda tidak ingin menyertai atau melanjutkan kegiatan sukan anda di universiti ini?

Alasan :

- a)
- b)

7. Adakah anda harus digalakkan oleh pihak universiti untuk menyertai atau melanjutkan kegiatan sukan anda? Ya/Tidak

8. Kalau ya, nyatakan dua jenis galakan yang diperlukan

Galakan :

- a)
- b)

B. Faktor-faktor Yang Boleh Mempengaruhi Kegiatan Sukan

9. Berikut adalah beberapa pernyataan mengenai faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kegiatan sukan di universiti. Bulatkan pernyataan yang menggambarkan pandangan anda.

Gunakan jawapan yang berikut :

- 1. Sangat Setuju
- 2. Setuju
- 3. Berkecuali
- 4. Tidak Setuju
- 5. Tidak Setuju Sama Sekali

- a. Kegiatan sukan boleh mengganggu prestasi akademik saya. 1 2 3 4 5
- b. Jumlah masa kuliah dan tutorial yang banyak tidak mengizinkan saya menyertai kegiatan sukan. 1 2 3 4 5
- c. Saya akan aktif dalam kegiatan sukan sekiranya ianya diwajibkan kepada semua pelajar. 1 2 3 4 5
- d. Saya akan aktif dalam kegiatan sukan sekiranya ianya diberi mata kredit. 1 2 3 4 5
- e. Bagi saya universiti bukanlah tempat yang sesuai untuk bergiat aktif dalam sukan. 1 2 3 4 5
- f. Kegiatan berunsur akademik lebih berfaedah daripada kegiatan sukan. 1 2 3 4 5
- g. Kegiatan berunsur kebudayaan lebih berfaedah daripada kegiatan sukan. 1 2 3 4 5
- h. Kegiatan berunsur sosial dan kemasyarakatan lebih berfaedah daripada kegiatan sukan. 1 2 3 4 5
- i. Kegiatan berunsur politik lebih berfaedah daripada kegiatan sukan. 1 2 3 4 5
- j. Kegiatan berunsur keagamaan dan kerohanian lebih berfaedah daripada kegiatan sukan. 1 2 3 4 5
- k. Fahaman agama saya melarang saya aktif dalam kegiatan sukan. 1 2 3 4 5
- l. Kegiatan sukan dapat mengembangkan dan menguatkan tenaga mental dan fizikal saya. 1 2 3 4 5
- m. Kegiatan sukan boleh mengganggu kesihatan saya. 1 2 3 4 5
- n. Setiap kali saya selesai bersukan badan saya berasa sangat sakit. 1 2 3 4 5
- o. Saya berasa letih apabila selesai bersukan dan ini mengganggu saya mengulang kaji pelajaran saya. 1 2 3 4 5
- p. Saya berasa kegiatan sukan akan bertambah maju di universiti jika kemudahan sukan ditambah. 1 2 3 4 5
- q. Kegiatan sukan akan maju jika pelajar diberi peluang yang lebih banyak untuk mengurus kegiatan sukan. 1 2 3 4 5

Pentadbiran Kegiatan Sukan

10. Adakah anda berminat dalam pengurusan kegiatan sukan ? Ya/Tidak

11. Adakah anda pernah menguruskan atau mengetahui sebarang kegiatan sukan ? Ya/Tidak

Jika ya nyatakan penyertaan anda itu

12. Adakah anda ingin melibatkan diri dalam kegiatan anjuran Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Jasmani Asrama ? Ya/Tidak

13. Adakah anda ingin melibatkan diri dalam kegiatan anjuran Pusat Sukan di universiti ini ? Ya/Tidak

14. Adakah anda mengetahui apakah makna singkatan MASUM ? Ya/Tidak

Jika ya nyatakan makna penuhnya.....

15. Saya mahu menyertai kegiatan sukan di kampus tetapi saya tidak tahu bagaimana hendak berbuat demikian. Ya/Tidak

16. Saya akan menyertai kegiatan sukan di kampus jika saya diberi maklumat yang cukup bagaimana saya boleh berbuat demikian. Ya/Tidak

Sesial, terima kasih.